



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**ARKITEK (B.2 EB.3)
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



ARKITEK
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkitek atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai keahlian Badan Profesional dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyediakan perancangan, reka bentuk dan melaksanakan pengawalseliaan serta pemantauan bagi pelaksanaan projek Jabatan Kemajuan Perumahan termasuk menguruskan penggunaan tanah dan pembinaan projek, serta juga hal ehwal pembayaran projek, pesanan perubahan, tambahan masa dan sebagainya;
2. Meneliti dan memantau penyediaan reka bentuk arkitek seperti *Conceptual and Detailed Architectural Design*;
3. Meneliti dan memantau penyediaan dokumen tawaran, penilaian dan sokongan tawaran;
4. Mengemaskini dan menyediakan laporan status dan perkembangan fizikal dan kewangan bagi projek-projek yang dilaksanakan Jabatan Kemajuan Perumahan;
5. Memastikan projek yang dilaksanakan mengikut peraturan yang terkandung di dalam *Building Guidelines and Requirements (BGR), 2022*, Peraturan-Peraturan Kewangan, *Green Building Initiative (GBI)* dan Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan yang berkenaan yang berkuatkuasa;
6. Meneliti dan memantau pelaksanaan Akta Kawalan Bangunan (Penggai 256) (*Building Control Act- Chapter 256*) dan *Facility Management (FM)* bagi bangunan-bangunan yang di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan;



7. Mengawal dan memantau pemeliharaan aset-aset dan estit-estit perumahan di bawah Skim Perumahan Negara;
8. Membantu Arkitek Kerja; dan
9. Menjalankan tugas-tugas lain sepertimana yang diarahkan Arkitek Kerja dan pihak atasan.